

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN

TARIKH: 25 JANUARI 2020

MUKA SURAT:17

Tugas berat JBPM Kedah hadapi cuaca panas

Alor Setar: Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah kini berdepan pelbagai tugas dan cabaran memabitkan kes kebakaran berikutan keadaan cuaca panas yang melanda negeri ini.

Dalam kes terbaru, anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sungai Petani terpaksa bersenggang mata selama lebih empat hari untuk memadam api longgokan sampah di Semeling selain berdepan memadam api yang memabitkan kebakaran di kilang perindustrian.

Sebelum itu, anggota BBP Jitra pula terpaksa berperang hampir lapan jam memadam kebakaran di puncak bukit di Kampung Wang Perah.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, JBPM Kedah, Penguasa Kanan Bomba I, Mohamadul Ehsan Mohd Zain, berkata sepanjang cuaca panas bermula sejak Disember lalu, Pusat Gerakan Operasi (PGO) JBPM Kedah menerima sekurang-kurangnya 30 atau 40 panggilan sehari berhubung kebakaran memabitkan belukar, longgokan sampah, hutan dan lalang.

Beliau berkata, berikutan itu hanya 20 peratus anggota daripada 960 anggota termasuk Pegawai Bomba Bantuan (PBB) dibenarkan bercuti manakala anggota lain bertugas mengikut syif masing-masing.

"Berdasarkan ramalan yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), cuaca panas ini dijangka berterusan sehingga Mac ini.

"Setakat ini, beberapa daerah terutama Langkawi tidak menerima langsung hujan sejak lebih sebulan lalu," katanya ketika ditemui di pejabatnya.

Mohamadul Ehsan berkata, dalam keadaan cuaca panas ini, puntung rokok yang masih bernyala dibuang dalam kawasan kering dan ditiup angin antara faktor yang boleh menyebabkan kebakaran lebih besar berlaku.

Beliau berkata, berdasarkan statistik kebakaran memabitkan belukar dan lalang yang diterima sebelum ini adalah sebanyak 430 kes, kebun dan ladang (11) manakala hutan pula 25 kes yang direkodkan sejak 1 Januari hingga semalam.

"Antara BBP yang paling banyak menerima kes kebakaran be-

lukar dan lalang di Sungai Petani sebanyak 71 kes, diikuti Amanjaya (60), Alor Setar (41), Bukit Kayu Hitam (40).


"Selain kebakaran hutan, belukar, lalang dan hutan yang berlaku sepanjang awal tahun, anggota bomba juga terpaksa berdepan dengan kes kebakaran rumah, kilang serta kes khidmat khas lain," katanya.

Mohamadul Ehsan berkata, tahun lalu, sebanyak 1,785 kes dilaporkan memabitkan kebakaran belukar dan lalang, 61 kes kebakaran kebun dan ladang serta 34 kes kebakaran hutan.

Katanya, JBPM Kedah mempunyai lori tangki berkapasiti 20,000 liter dan 10,000 liter yang diletakkan di beberapa balai terutama yang berpotensi berlaku kebakaran besar.

Katanya, selain itu sumber air berhampiran seperti sungai, longkang dan parit juga dapat membantu memadam kebakaran di kawasan tertentu.

"Anggota kami juga turut mendapat bantuan dari Pasukan Bomba Sukarela (PBS) di seluruh negeri ini untuk membantu mempercepatkan pepadaman," katanya.



Anggota Bomba dan Penyelamat Jitra memadam kebakaran selama 8 jam di puncak bukit di Kampung Wang Perah, baru-baru ini. (Foto Ihsan Bomba)